



# JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA

## PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN PEMBANTU TEKNIK

### ELEKTRIK

---

KOD : B020  
SUBJEK : RULES & REGULATIONS  
TARIKH : 20 JUN 1994  
MASA : 9.00 - 12.00 TGH

DILARANG MEMBUKA KERTAS  
SOALAN SEHINGGA  
DIARAHKAN

**ARAHAN KEPADA CALON-CALON:**

1. Tuliskan angka giliran serta nombor kad pengenalan anda dengan terang pada tiap-tiap helai kertas jawapan yang digunakan. Jangan sekali-sekali menulis nama anda pada kertas jawapan. Kertas jawapan yang mengandungi nama calon akan dianggap tidak sah.
2. Pastikan anda mendapat kertas soalan yang lengkap.
3. Jawab dalam Bahasa Malaysia sahaja. Istilah-istilah teknikal yang tiada terjemahannya atau sukar diterjemahkan boleh dikekalkan dalam bahasa asalnya. Jawapan yang tidak mematuhi syarat ini tidak akan diberi markah.
4. Jawab secukup soalan sahaja mengikut arahan dalam kertas soalan. Jawapan bagi soalan lebih tidak akan diberi markah.
5. Semua perkiraan untuk mendapatkan jawapan hendaklah ditunjukkan. Jawapan yang betul tetapi tiada menunjukkan perkiraan tidak akan diberi markah.
6. Calon-calon digalakkan membuat lakaran untuk menjelaskan jawapan mereka di mana sesuai.
7. Calon-calon dilarang merujuk kepada buku atau sebarang bahan rujukan melainkan yang dibenarkan mengikut arahan yang tercatat dalam permulaan kertas soalan.
8. Penggunaan mesin pengira elektronik tanpa kemudahan program adalah dibenarkan melainkan jika dinyatakan sebaliknya di dalam kertas soalan.
9. Bagi subjek peperiksaan di mana masa rehat diberi (misalnya, subjek LUKISAN), calon-calon adalah dilarang membawa kertas soalan keluar dari dewan peperiksaan pada bila-bila masa sehingga keseluruhan peperiksaan untuk subjek berkenaan tamat.
10. Semua kertas jawapan mesti disusun dan diikat dengan sempurna.
11. Calon-calon dilarang mengambil kertas jawapan kosong yang telah disediakan keluar dari dewan peperiksaan pada bila-bila masa.
12. Calon-calon tidak dibenarkan keluar dewan peperiksaan dalam tempoh masa 30 minit dari mulanya peperiksaan.
13. Tindakan tatatertib akan diambil terhadap calon-calon yang menyerahkan kertas jawapan kosong (tanpa sebarang jawapan) sekiranya mereka tidak mempunyai sebab yang munasabah.
14. Calon-calon yang didapati meniru/menipu semasa menduduki peperiksaan akan dikenakan tindakan tatatertib.
15. Tindakan tatatertib akan diambil terhadap calon yang mengingkari arahan Ketua Pengawas semasa di dalam dewan peperiksaan.

PERKARA : B020 - RULES & REGULATIONS

ARAHAN KEPADA CALON

Kertas ini mengandungi sebanyak tujuh (7) soalan.  
Jawab mana-mana lima (5) soalan sahaja.

SOALAN 1

Huraikan dengan jelas prosedur mengendalikan bahanharga untuk sesuatu kerja, bermula dari peringkat pelawaan hingga ke pengeluaran Tindan Kerja.

(20 markah)

SOALAN 2

- a) Nyatakan perkara-perkara yang perlu diambilkira untuk menilai sesuatu Tawaran Kerja.

(10 markah)

- b) Huraikan perbezaan di antara Kontrak Induk dengan Sub-Kontrak dan nyatakan dokumen-dokumen kontrak yang digunakan.

(10 markah)

SOALAN 3



- a) Nyatakan syarat-syarat yang melayakkan seseorang itu untuk menduduki peperiksaan bagi suatu perakuan kekompetenan sebagai Penyelia Elektrik dan Jurutera Elektrik mengikut Akta Bekalan Elektrik 1990, Peraturan-peraturan Elektrik 1994.

(6 markah)

- b) Namakan orang-orang kompeten yang mesti disediakan oleh pemunya, pengurus atau pengendalian pepasangan elektrik untuk mengerjakan, mengendalikan atau mempunyai kawalan atas apa-apa kerja/pengendalian pepasangan elektrik berikut (mengikut Peraturan-peraturan Elektrik 1994):

- i. Pepasangan elektrik dikendalikan pada voltan tidak melebihi 600 volt.
- ii. Pepasangan elektrik dikendalikan pada voltan melebihi 600 volt tetapi tidak melebihi 132,000 volt.

(4 markah)

**Soalan 3 (sambungan)**

- c) Nyatakan bilangan lawatan dan pemeriksaan yang perlu dibuat oleh orang kompeten untuk pepasangan elektrik berikut:
- Pepasangan tidak melebihi 600 volt menerima tenaga melalui alat suis.
  - Pepasangan melebihi 600 volt tetapi tidak melebihi 11,000 volt.
  - Pepasangan melebihi 11,000 volt tetapi tidak melebihi 132,000 volt.

(10 markah)

**SOALAN 4**

- a) Namakan orang kompeten yang dikehendaki untuk melawat dan memeriksa pepasangan elektrik berikut:
- Pepasangan dikendalikan pada voltan rendah.
  - Pepasangan dikendalikan pada voltan yang melebihi voltan rendah.
- (4 markah)
- b) Mengikut Peraturan-peraturan Elektrik 1994, Ketua Pengarah JBE telah diberi kuasa untuk mengendors menggantung/membatalkan mana-mana perakuan kekompetenaañ yang dikeluarkan kepada seorang dalam hal salah laku yang serius.
- Huraikan apakah yang dimaksudkan dengan "salah laku yang serius" mengikut Peraturan-peraturan Elektrik 1994.

(16 markah)

**SOALAN 5**

- a) Perlindungan dalam sistem kuasa bertujuan untuk mengasingkan sebarang kerosakan elektrik yang berlaku di dalam satu-satu sistem elektrik.
- Huraikan ciri-ciri keperluan asas sistem perlindungan.

(10 markah)

**Soalan 5 (sambungan)**

- b) Geganti pelindung selalu digunakan di dalam sistem perlindungan elektrik. Nyatakan **lima (5)** kaedah pembeza layanan yang selalu digunakan untuk memastikan geganti pelindung berkendali pada zonnya yang tersendiri.

(10 markah)

**SOALAN 6**

- a) Lakarkan gambar rajah yang menunjukkan jenis sistem pembumian (*earthing*) berikut:

- i. TT system
- ii. TN-S system
- iii. TN-C-S System.

(9 markah)

- b) Nyatakan dalam keadaan manakah sistem-sistem (i) dan (ii) selalu digunakan.

(6 markah)

- c) Berikan maksud huruf-huruf berikut seperti mana yang dinyatakan dalam Peraturan-peraturan IEE (sistem-sistem seperti di atas):

- i. Huruf pertama (T)
- ii. Huruf kedua (T dan N)
- iii. Huruf ketiga (C dan S).

(5 markah)

**SOALAN 7**

- a) Nyatakan tujuan ujian penebatan dijalankan ke atas sesuatu pepasangan.

(5 markah)

- b) Jelaskan cara-cara ujian tersebut dijalankan.

(15 markah)

\*\*\*\*\*